

# 624 penuntut baru daftar di UMS-KAL

**L**ABUAN: Seramai 624 penuntut baru, termasuk 29 dari China dan empat dari Turki mendaftar di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di sini bagi sesi 2010/2011.

Pengarahnya, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang, berkata daripada jumlah itu, 494 mendaftar di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dengan 320 adalah perempuan dan 174 lelaki manakala 97 lagi di Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dengan 68 perempuan dan 29 lelaki.

"Mereka ditempatkan di Kolej Kediaman Mutiara, Sungai Bedaun dan dalam kampus," katanya selepas menyambut ketibaan penuntut baru itu di Terminal Feri

Penumpang Antarabangsa Labuan (LIFT) jam 11.30 pagi kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Pendaftar (Pentadbiran), Kamisah Husin.

Dr Shariff berkata, pelbagai aktiviti seperti taklimat, pendaftaran kursus, taklimat kepimpinan mahasiswa, kokurikulum, senam seni dan amanat Pengarah Kampus serta penutupan akan diadakan sepanjang minggu ini.

UMS membelanjakan kira-kira RM13 juta untuk menaik taraf kemudahan asas bagi memastikan keslesaan penuntut seperti kolej kediaman dengan memasang pagar, kafeteria, kemudahan sukan, perpustakaan dan landskap.

UMS juga sudah menyediakan tangki air bagi mengatasi masalah mendapatkan



**DR SHARIFF (berdiri tengah) dan Kamisah bergambar dengan penuntut baru UMS-KAL di Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan.**

bekalan air.

"Kami jangka projek berkenaan boleh disiapkan menjelang Ogos ini bagi memastikan penuntut menikmati

kemudahan asas dan mampu meneruskan pengajian dengan selesa," katanya.

Bagaimanapun, katanya, masalah mendapatkan beka-

lan air bukan setakat berlaku di kampus berkenaan, malah keseluruhan Labuan.

"Penuntut yang menghadapi masalah perlu segera

berjumpa dengan pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) atau saya sendiri bagi memastikan itu dapat ditangani segera," katanya,